

10 DEC 1998  
Umno-Pinda  
SISTEM PERATURAN AKAN GANTI UNDI BONUS

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Sistem peraturan yang akan menggantikan 10 undi bonus dalam pindaan perlembagaan Umno Ahad ini akan mencadangkan sekurang-kurangnya 30 peratus pencalonan bagi jawatan Presiden, Timbalan Presiden (20 peratus), Naib Presiden (10 peratus) dan Anggota Majlis Tertinggi (5 peratus).

Fasal berhubung undi bonus itu merupakan di antara 15 usul pindaan perlembagaan yang akan dikemukakan pada perhimpunan agung khas Umno itu.

Undi bonus yang mula diguna pada pemilihan parti 1993 akan digantikan dengan sistem peraturan tertentu daripada keseluruhan 165 bahagian bukan sahaja untuk pencalonan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tetapi juga untuk Naib Presiden dan anggota Majlis Tertinggi, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Sabbaruddin Chik hari ini.

Pada pemilihan parti 1993, sistem 10 undi bonus itu digunakan dalam pencalonan penyandang jawatan Tun Ghafar Baba dan naib presiden ketika itu Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk jawatan Timbalan Presiden selain pencalonan jawatan Presiden bagi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pada pemilihan parti yang lepas sistem itu disalahgunakan sehingga besar kemungkinan berlakunya politik wang.

"Tun Ghafar sebagai penyandang hanya dapat tujuh pencalonan atau hanya 70 undi bonus tetapi pencabarnya Datuk Seri Anwar lebih daripada 140 pencalonan iaitu lebih daripada 1,400 undi bonus yang memaksa penyandang menarik diri," kata Sabbaruddin pada persidangan berita di ibu pejabat parti.

"Setelah diteliti, kita (Jawatankuasa Mengkaji Perlembagaan yang dipengerusikan sendiri oleh Presiden parti) dapati sistem itu perlu dihapuskan," katanya.

Perkara-perkara utama lain pada usul pindaan perlembagaan Umno itu termasuk syarat bertanding atau memegang jawatan parti dan pegawai-pegawai yang dipilih secara automatik sebagai wakil ke perhimpunan agung parti.

Cadangan akan dibuat bagi seorang anggota parti perlu menjadi anggota sekurang-kurangnya dua tahun untuk layak bertanding jawatan peringkat cawangan kecuali cawangan baru, tiga tahun untuk jawatan peringkat bahagian dan tiga tahun peringkat pusat.

Bagaimanapun bekas anggota Parti Semangat 46 yang menganggotai semula Umno dikecualikan daripada peruntukan ini.

Lima orang pegawai yang layak secara automatik untuk mewakili bahagian masing-masing ialah Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua-ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita. Selain daripada itu, setiap bahagian boleh memilih tidak lebih daripada tujuh orang lagi sebagai perwakilan.

Dengan pindaan itu nanti, jumlah perwakilan pergerakan-pergerakan Pemuda dan Wanita masing-masing 30 orang dikurangkan kepada masing-masing 10 orang sahaja.

Sabbaruddin berkata pindaan perlembagaan yang diluluskan kelak, perlu mendapat pengesahan daripada Pendaftar Pertubuhan sebelum boleh digunapakai pada tahun depan.

Mengenai kemungkinan ada usul tergepar pada perhimpunan itu, beliau berkata terpulang kepada pengerusi untuk membenar atau menolaknya.

"Jika dibenarkan kita akan membahaskannya," katanya.

Perhimpunan agung khas sehari itu dimulakan dengan ucapan dasar presiden Dr Mahathir, pembentangan usul oleh naib presiden Datuk Seri Najib Tun Razak, penggulungan oleh seorang lain naib presiden Datuk Seri Abdullah

Haji Ahmad Badawi dan Dr Mahathir.

Perhimpunan dijangkakan berakhir pada pukul 6.30 petang.

-- BERNAMA

SJA AU RON